

**UCAPAN OLEH
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN PORT KLANG FREE ZONE
DI PULAU INDAH, PELABUHAN KLANG
2 JULAI 2004**

YAB DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
MENTERI BESAR SELANGOR

YB DATO' SRI CHAN KONG CHOY
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

YB DATO' YAP PIAN HON
PENGERUSI, LEMBAGA PELABUHAN KELANG

YBHG. TAN SRI SAMSUDIN OSMAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

YBHG. DATO' ZAHARAH BT. SHAARI
KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

YBHG. DATO' ABDUL AZIM BIN ZABIDI
PENGERUSI KUALA DIMENSI SDN. BHD.

MR. SULTAN AHMED SULAYEM
EXECUTIVE CHAIRMAN, JEBEL ALI FREE ZONE INTERNATIONAL

DIF-DIF JEMPUTAN

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SELAMAT PETANG DAN
SALAM SEJAHTERA

1. ALHAMDULILLAH, SEGALA PUJI-PUJIAN BAGI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA DAPAT KITA BERKUMPUL PADA HARI INI SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PORT KLANG FREE ZONE DI PULAU INDAH. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA YB MENTERI PENGANGKUTAN SERTA LEMBAGA PELABUHAN KELANG KERANA SUDI MENGUNDANG SAYA UNTUK MERASMIKAN SATU INISIATIF YANG PENTING BAGI KEMAJUAN SEKTOR PENGANGKUTAN DAN JUGA BAGI PEMBANGUNAN NEGARA SECARA KESELURUHANNYA.

2. SESUNGGUHNYA, PELABUHAN MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DI DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI SESEBUAH NEGARA. SEPANJANG PERJALANAN SEJARAH, PELABUHAN MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI TITIK PENGHUBUNG BAGI AKTIVITI JUAL-BELI DI ANTARA NEGARA-NEGARA DAGANG SEDUNIA. HARI INI, PERANAN PELABUHAN TELAH BERKEMBANG DENGAN PESAT, SEJAJAR DENGAN

PERUBAHAN TEKNOLOGI DAN GLOBALISASI. PELABUHAN TELAH MENJADI SATU PLATFORM PENTING DI DALAM RANGKAIAN LOGISTIK GLOBAL YANG MENGHUBUNGKAN DENGAN LEBIH ERAT SEKTOR-SEKTOR PEMBUATAN KEPADA PARA PENGGUNA DI SERATA DUNIA.

3. MELIHAT PENCAPAIAN SETAKAT INI, PELABUHAN KLANG TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA IANYA MAMPU MENCAPAI MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MENJADI SEBUAH PELABUHAN YANG MAJU, BERWAWASAN DAN BERUPAYA MENDAPAT KEYAKINAN SYARIKAT-SYARIKAT PERKAPALAN UTAMA. DARI SEGI JUMLAH KENDALIAN KARGO, PELABUHAN KLANG MENDUDUKI TANGGA KE-12 DALAM SENARAI PELABUHAN PALING SIBUK DI DUNIA.

4. WALAU BAGAIMANAPUN, MASIH ADA BANYAK LAGI RUANG UNTUK KITA MENINGKATKAN LAGI PRESTASI PELABUHAN KLANG DAN JUGA PELABUHAN-PELABUHAN LAIN DI MALAYSIA. SEKTOR PENGANGKUTAN DAN LOGISTIK, TERUTAMANYA PELABUHAN, ADALAH AMAT KOMPETITIF. DI ASEAN SAHAJA, KITA SUDAH MENDAPAT GAMBARAN PERSAINGAN SENGIT BAGI MENGEJAR KARGO ANTARA PELABUHAN-PELABUHAN SERANTAU. DENGAN ITU, SEGALA USAHA HARUSLAH DIPERTINGKATKAN LAGI BAGI MENARIK AGEN-AGEN LOGISTIK DUNIA, DARI PIHAK PENGILANG KE PIHAK PERKAPALAN, UNTUK MENGGUNAKAN PELABUHAN NEGARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

5. PIHAK PELABUHAN HARUSLAH SENANTIASA MAMPU MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK DAN MEMUASKAN KEPADA PELBAGAI PENGEKSPORT, PENGIMPORT DAN SYARIKAT PERKAPALAN. PELABUHAN-PELABUHAN HARUSLAH JUGA BERSEEDIA UNTUK MEMENUHI PERMINTAAN PELANGGAN DARI SEGI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KECEKAPAN PROSEDUR. PADA MASA YANG SAMA, KITA JUGA HARUSLAH MENYEDIAKAN SATU 'DAYA TARIKAN TAMBAHAN' UNTUK PELABUHAN-PELABUHAN NEGARA SUPAYA PARA PENGEKSPORT, PENGIMPORT DAN SYARIKAT PERKAPALAN SENTIASA MAHU MENGGUNAKAN PELABUHAN-PELABUHAN KITA.

6. DALAM ASPEK TERSEBUT, PELAKSANAAN PORT KLANG FREE ZONE ADALAH SATU LANGKAH YANG POSITIF. VISI KERAJAAN ADALAH SUPAYA PORT KLANG FREE ZONE BERTINDAK SEBAGAI PEMANGKIN KEPADA AKTIVITI PENGILANGAN RINGAN, AKTIVITI PENGAGIHAN DAN JUGA PERDAGANGAN UNTUK KAWASAN PELABUHAN KLANG DAN PEDALAMANNYA. DI SAMPING MEMENUHI KEPERLUAN PIHAK PENGEKSPORT DAN PENGIMPORT, AKTIVITI-AKTIVITI DI PORT KLANG FREE ZONE NANTI JUGA AKAN MENJADI SUMBER BEKALAN KARGO YANG AKAN BERUPAYA MENARIK LEBIH BANYAK SYARIKAT PERKAPALAN KE PELABUHAN KLANG.

7. BERDASARKAN LOKASI YANG STRATEGIK SERTA PENYEDIAAN PELBAGAI KEMUDAHAN YANG DITAWARKAN DI SINI, SAYA YAKIN PORT KLANG FREE ZONE AKAN MEMBAWA PERUBAHAN YANG POSITIF KEPADA PRESTASI DAN PEMBANGUNAN EKONOMI KAWASAN PELABUHAN KLANG. JIKA OPERASI DAN PEMASARAN PORT KLANG FREE ZONE INI BERJALAN DENGAN BAIK, SAYA JUGA YAKIN IA BERUPAYA MELONJAKKAN PELABUHAN KLANG SEBAGAI SEBUAH PELABUHAN UNGGUL DI RANTAU ASIA.

8. SAYA BERHARAP USAHASAMA DENGAN JEBEL ALI FREE ZONE INTERNATIONAL (JAFZI) INI AKAN MEMBUAHKAN HASIL YANG BERMAKNA BAGI KEDUA-DUA PIHAK. I AM PLEASED TO SEE THAT WE ARE COLLABORATING WITH JAFZI, THE INTERNATIONAL DIVISION OF JEBEL ALI FREE ZONE AUTHORITY, WHICH HAS A GOOD TRACK RECORD IN THE DEVELOPMENT AND MANAGEMENT OF FREE ZONE PROJECTS AROUND THE WORLD. THE SUCCESS OF JAFZI IN THESE OTHER PROJECTS PROVIDES THE ASSURANCE THAT THIS PARTNERSHIP WILL YIELD POSITIVE RESULTS AND WILL ACHIEVE THE OBJECTIVE OF MAKING PORT KLANG FREE ZONE A PREFERRED COMMERCE AND DISTRIBUTION CENTER IN THE REGION, INSYA-ALLAH.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

9. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PELANCARAN PORT KLANG FREE ZONE DI PULAU INDAH PADA HARI INI. SEMOGA USAHA INI DIBERKATI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA DAN SEKALIGUS DAPAT MEMBUKTIKAN KEPADA DUNIA KEUPAYAAN TINGGI KITA DALAM PELBAGAI ASPEK PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN PELABUHAN.

10. MAKA DENGAN ITU, DENGAN KALIMAH BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PORT KLANG FREE ZONE.

TERIMA KASIH.